

Sikap terhadap program peningkatan pendapatan dan perubahan kepada sosioekonomi peserta Orang Asli

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk menentukan hubungan antara sikap terhadap Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan perubahan kepada sosio-ekonomi dalam kalangan peserta PPP Orang Asli. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk i) menghuraikan latar belakang responden; ii) mengenal pasti tahap sikap dan perubahan sosio-ekonomi; dan iii) menentukan hubungan antara sikap terhadap PPP dan perubahan kepada sosio-ekonomi. Kajian ini melibatkan 110 Orang Asli yang menyertai PPP di negeri Perak. Pemilihan responden adalah secara persampelan bertujuan. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik melalui prosedur tadbir sendiri dengan pemantauan minima oleh penyelidik. Hasil kajian mendapati antara projek PPP yang dijalankan di negeri Perak adalah tanaman sayuran, limau kasturi dan pisang, serta ternakan kambing, lembu, ikan tilapia dan kelulut. Dapatan kajian menunjukkan adanya peningkatan pendapatan dalam kalangan responden walaupun majoriti daripada mereka memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada RM1000. Secara keseluruhannya, majoriti responden mempunyai sikap yang positif terhadap PPP, manakala perubahan kepada sosio-ekonomi berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan hubungan positif secara signifikan antara sikap terhadap PPP dengan dimensi perubahan sosio-ekonomi ($r = .430$ hingga $r = .681$; $p < .01$). Semakin positif sikap peserta terhadap PPP, semakin meningkat perubahan sosio-ekonomi mereka. Sikap positif peserta Orang Asli terhadap PPP adalah penting kerana sikap berkait rapat dengan tingkah laku, mempengaruhi keterlibatan peserta dalam program ini dan seterusnya meningkatkan status sosio-ekonomi kepada tahap yang lebih baik lagi. Oleh itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti JAKOA perlu terus memainkan peranan dalam memberikan galakan dan sokongan kepada komuniti ini agar mereka terus bermotivasi, terbuka kepada inovasi dan terus berusaha untuk meningkatkan status sosio-ekonomi dan kualiti hidup mereka. Kata kunci: sikap, sosio-ekonomi, program peningkatan pendapatan, Orang Asli.

Katakunci: Sikap; Soio-ekonomi; Program peningkatan pendapatan; Orang Asli